

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]**

**TARIKH : 26.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada perkhidmatan pautan Internet dalam Projek BestariNet yang kini dikendalikan secara monopoli oleh YTL Communications akan dibuka kepada operator jalur lebar yang lain. Apakah Kerajaan berpuas-hati dengan prestasi YTL Communications setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Perkhidmatan 1BestariNet yang dilaksanakan oleh pembekal tunggal bertujuan untuk memastikan keseragaman pelaksanaan serta mengelakkan isu-isu pengintegrasian sistem dan penyepaduan pangkalan data. Secara amnya, prestasi pencapaian YTL Communications menepati terma-terma dan syarat Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet. Sebarang keciciran pihak syarikat telah diuruskan mengikut terma-terma kontrak dan telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

RJM71